



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMoe)
www.ijmoe.com



**ANALISIS DIMENSI PENGURUSAN DALAM NOVEL
ANUGERAH KARYA ZAHARAH NAWAWI**

*ANALYSIS OF MANAGEMENT DIMENSIONS IN THE NOVEL ANUGERAH BY
ZAHARAH NAWAWI*

Mohamad Murad Mahyudin Muheji^{1*}, Azhar Haji Wahid²

¹ Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: mudin00@yahoo.com

² Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: azhar@fbk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.01.2025

Revised date: 23.02.2025

Accepted date: 11.03.2025

Published date: 26.03.2025

To cite this document:

Muheji, M. M. M., & Haji Wahid, A. (2025). Analisis Dimensi Pengurusan Dalam Novel Anugerah Karya Zaharah Nawawi. *International Journal of Modern Education*, 7 (24), 1032-1046.

DOI: 10.35631/IJMoe.724073

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Kajian ini meneliti pendekatan terkini dalam bidang kesusasteraan Malaysia yang dikenali sebagai pengurusan dalam kesusasteraan. Novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi dipilih sebagai sumber kajian kerana menggambarkan budaya dan adat resam Tanah Melayu yang memandang rendah terhadap penglibatan wanita dalam aktiviti sosial dan politik. Watak-watak wanita dalam novel ini ditampilkan sebagai individu ceka dan cerdas yang menghadapi pelbagai cabaran termasuklah konflik keluarga akibat perjuangan mereka. Identifikasi dimensi pengurusan organisasi dalam novel ini diuraikan berdasarkan Prinsip-Prinsip Pengurusan Fayol (2013). Prinsip-prinsip ini merangkumi empat belas prinsip penting dalam pengurusan organisasi. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dimensi pengurusan organisasi dan untuk mengenal pasti tema-tema bagi dimensi pengurusan organisasi dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi yang mengandungi 1351 halaman. Beberapa peristiwa terpilih dianalisis untuk menunjukkan penerapan prinsip pengurusan terutamanya dalam aspek perancangan. Peringkat perancangan dalam novel ini melibatkan penetapan objektif, perancangan strategi, pemilihan alternatif dan penilaian pelbagai isu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui tinjauan literatur dan analisis teks. Dapatan kajian membuktikan bahawa penerapan dimensi pengurusan dapat memperkayakan analisis sastera serta menyedarkan masyarakat tentang kepentingan pengurusan dalam kehidupan. Pendekatan ini bukan sahaja menjadikan sastera lebih relevan, malah menekankan nilai pengurusan dalam membentuk kehidupan yang lebih tersusun.

Kata Kunci:

Prinsip Pengurusan, Perancangan, Tema-Tema, Kepimpinan, Mesyuarat

Abstract:

This study examines the latest approach in the field of Malaysian literature known as management in literature. The novel *Anugerah* by Zaharah Nawawi was chosen as the source of the study because it depicts the culture and customs of Malaya which look down on women's involvement in social and political activities. The female characters in this novel are presented as resilient and intelligent individuals who face various challenges including family conflicts as a result of their struggles. The identification of the dimensions of organizational management in this novel is explained based on Fayol's Principles of Management (2013). These principles encompass fourteen important principles in organizational management. This study aims to analyze the organizational management dimension and to identify the themes for the organizational management dimension in the novel *Anugerah* by Zaharah Nawawi which contains 1351 pages. Several selected events are analyzed to show the application of management principles, especially in the planning aspect. The planning stage in this novel involves setting objectives, planning strategies, selecting alternatives and evaluating various issues. This study uses qualitative methods through literature review and text analysis. The study findings prove that the application of the management dimension can enrich literary analysis and make people aware of the importance of management in life. This approach not only makes literature more relevant but also emphasizes the value of management in shaping a more organized life.

Keywords:

Management Principles, Planning, Themes, Leadership, Meetings

Pengenalan

Pengurusan dalam kesusasteraan merupakan satu pendekatan baharu dalam bidang kajian sastera yang mengaplikasikan prinsip-prinsip pengurusan dalam menganalisis karya sastera. Pendekatan ini bertujuan untuk mengenal pasti dan memahami dimensi pengurusan yang terkandung dalam naratif sesebuah karya khususnya dalam menggambarkan struktur organisasi, kepimpinan serta perancangan strategi yang dilakukan oleh watak-watak dalam menghadapi pelbagai cabaran. Novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi dipilih sebagai subjek kajian kerana mengangkat isu-isu sosial yang berkaitan dengan kedudukan wanita dalam masyarakat Melayu tradisional. Novel ini menampilkan watak-watak wanita yang berdaya saing, bijak dan bersemangat dalam memperjuangkan hak mereka walaupun berdepan dengan halangan dalam keluarga dan masyarakat. Kajian ini akan meneliti bagaimana prinsip-prinsip pengurusan organisasi seperti yang diperkenalkan oleh Henri Fayol diaplikasikan dalam naratif novel ini khususnya dalam aspek perancangan. Dalam kajian ini, peristiwa-peristiwa utama dalam novel akan dianalisis untuk mengenal pasti penerapan prinsip pengurusan yang merangkumi perancangan, kepimpinan, mesyuarat serta strategi organisasi. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis teks dan tinjauan literatur bagi memahami lebih mendalam bagaimana elemen pengurusan diterapkan dalam novel *Anugerah*. Hasil kajian ini bukan sahaja akan memperkaya analisis kesusasteraan Melayu tetapi juga memberikan

kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan prinsip pengurusan dalam kehidupan seharian. Oleh itu, pendekatan ini diharapkan dapat memberikan perspektif baharu dalam kajian sastera serta memperkukuhkan hubungan antara disiplin pengurusan dan kesusasteraan.

Pernyataan Masalah

Kajian terhadap karya sastera sering menumpukan kepada aspek tema, watak dan gaya bahasa, namun kajian yang meneliti dimensi pengurusan organisasi dalam teks sastera masih terhad. Novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi menggambarkan pelbagai situasi yang melibatkan pengurusan organisasi termasuklah kepimpinan, pengurusan konflik dan pembuatan keputusan. Walau bagaimanapun, belum banyak kajian yang meneliti bagaimana dimensi pengurusan yang dicerminkan dalam teks sastera serta impaknya terhadap pemahaman pembaca mengenai aspek pengurusan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis bagaimana dimensi pengurusan organisasi diterapkan dalam novel *Anugerah* dan sejauh mana mampu mencerminkan realiti pengurusan dalam dunia sebenar.

Objektif Kajian

1. Menganalisis dimensi pengurusan organisasi yang digambarkan dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi
2. Mengenal pasti tema-tema dimensi pengurusan organisasi dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi

Persoalan Kajian

1. Apakah dimensi pengurusan organisasi yang terdapat dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi?
2. Apakah tema-tema dimensi pengurusan organisasi dalam novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi?

Sorotan Kajian Lalu

Pengurusan Organisasi

Pengurusan organisasi merangkumi proses perancangan, pengorganisasian, kepemimpinan dan pengawalan sumber bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Harold Koontz dan Heinz Weihrich dalam *Pengurusan* (1997: 4) mendefinisikan pengurusan sebagai usaha merancang dan memelihara persekitaran kerja yang membolehkan individu dalam kumpulan mencapai matlamat dengan berkesan. Sementara itu, Michael H. Menson, Michael Albert dan Franklin Khedouri dalam *Management: Individual and Organisational Effectiveness* berpandangan bahawa pengurusan melibatkan proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal kerja serta sumber dalam organisasi bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan (Ahmad Amran, 2002: 3).

Rahim Abdullah dalam *Asas Pengurusan* (1998: 6) pula menegaskan bahawa pengurusan melibatkan aktiviti perancangan, pengorganisasian, kepemimpinan dan pengawalan serta kerjasama anggota organisasi dalam mencapai matlamat bersama. Berdasarkan definisi-definisi ini, tema-tema utama dalam pengurusan ialah *proses* yang sistematik bagi merealisasikan objektif organisasi melalui usaha kolektif.

Abu Hassan (2022) mengetengahkan sejarah perkembangan pendekatan pengurusan dengan meneliti konsep, prinsip dan aplikasinya dalam kritikan sastera. Pendekatan ini bukan sahaja memperkayakan analisis sastera tetapi juga mengukuhkan kesedaran tentang kepentingan pengurusan dalam kehidupan yang tersusun dan teratur.

Selain itu, Salim, Kawangit, Ibrahim dan Ismail (2022), menekankan kepentingan keadilan dalam pengurusan organisasi yang mampu membentuk perilaku positif pekerja. Pekerja dengan sikap yang positif merupakan aset berharga organisasi dan perlu dikekalkan bagi memastikan pertumbuhan dan produktiviti berterusan. Kajian terdahulu turut mendapati bahawa sikap positif pekerja dipengaruhi oleh keadilan dalam pengurusan terutamanya dalam aspek prosedur dan pengagihan sumber (Mohd Ridhwan & Enah, 2021; Widyanti et al., 2020; Krishnan, 2020; Purnama et al., 2020; Jehanzeb & Mohanty, 2020; Nor Azima et al., 2021).

Dengan demikian, literatur menunjukkan bahawa pengurusan organisasi bukan sahaja berkaitan dengan struktur dan strategi tetapi juga bergantung kepada dimensi peranan keadilan dan kepemimpinan yang mampu membentuk budaya kerja yang produktif dan berkesan.

Dimensi Pengurusan Organisasi

Dimensi pengurusan organisasi merangkumi aspek penting dalam memastikan operasi organisasi berjalan lancar dan mencapai matlamatnya. Empat prinsip utama dalam pengurusan organisasi seperti yang dinyatakan oleh Koontz dan Weihrich (1997) ialah perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan kawalan. Perancangan merupakan proses menentukan matlamat organisasi dan strategi pelaksanaannya. Hal ini melibatkan penetapan objektif, perancangan tindakan dan pemilihan alternatif terbaik (Blacker et al., 1998). Pengorganisasian pula Penyusunan sumber manusia dan fizikal untuk mencapai matlamat organisasi. Ini merangkumi pembahagian tugas, pembentukan pasukan serta koordinasi fungsi seperti pemasaran dan kewangan (Jaafar Muhamad, 1999). Kepimpinan adalah seni mempengaruhi dan memotivasi individu bagi memastikan mereka bekerja ke arah matlamat organisasi. Pemimpin harus menginspirasi, memberi arahan dan membimbing ahli organisasi dengan efektif. Kawalan pula merupakan proses pemantauan dan penilaian prestasi organisasi. Hal ini melibatkan pengukuran hasil, perbandingan dengan piawaian serta tindakan pembetulan bagi memastikan matlamat tercapai (Koontz & Weihrich, 1997). Selain itu penyelarasan, komunikasi, motivasi serta inovasi dan perubahan turut memainkan peranan penting dalam memperkukuh keberkesanan pengurusan organisasi. Kesemua dimensi ini berinteraksi bagi memastikan organisasi berfungsi secara sistematik dan efisien.

Perkaitan Dimensi Pengurusan Dalam Karya Sastera

Dimensi yang dinyatakan ini turut ditemui dalam bidang kesusasteraan yang dinamakan sebagai pengurusan kesusasteraan. Pengurusan dalam teks sastera melibatkan analisis bagaimana dimensi pengurusan dicerminkan dan ditafsirkan dalam karya. Menurut Abu Hassan (2022), terdapat beberapa langkah utama dalam mengkaji aspek ini:

1. Tema dan Konteks – Memahami tema serta latar sejarah atau budaya karya.
2. Watak dan Konflik – Menganalisis kaedah watak mengurus cabaran dan membuat keputusan.
3. Susunan dan Masa – Melihat pengaruh latar tempat dan masa terhadap keputusan watak.

4. Plot dan Perkembangan Cerita – Mengkaji bagaimana konflik berkembang dan diselesaikan.
5. Gaya dan Bahasa – Menganalisis penggunaan bahasa serta simbolisme berkaitan pengurusan.
6. Nilai dan Pesanan – Menilai mesej karya tentang kepentingan atau kesan pengurusan.
7. Relevansi dengan Pengalaman Manusia – Menghubungkan tema pengurusan dalam teks dengan realiti kehidupan.
8. Contoh Konkrit – Menggunakan petikan atau bukti dari teks untuk menyokong analisis.

Kajian terdahulu juga telah menunjukkan bahawa pendekatan pengurusan dalam sastera dapat memperkaya analisis teks sastera melalui penerapan teori pengurusan (Abu Hassan, 2022). Fayol (2013) menegaskan bahawa prinsip pengurusan merangkumi perancangan, organisasi, kepimpinan, koordinasi dan kawalan yang dapat digunakan untuk memahami dinamika organisasi dalam karya sastera. Kajian Jaafar Muhamad (1999) pula menekankan kepentingan struktur pengurusan dalam membentuk disiplin organisasi dalam naratif. Selain itu, Koontz dan Weihrich (1997) turut membincangkan bagaimana aspek kepimpinan dan pengurusan strategik berperanan dalam membentuk hala tuju sesebuah organisasi yang juga dapat diterapkan dalam kajian kesusasteraan. Kajian Creswell (2009) mengenai metodologi penyelidikan kualitatif turut memberikan panduan dalam menganalisis teks secara sistematik. Kajian Mustafa et al. (2021) pula menjelaskan implikasi penggunaan teknologi komunikasi dalam pengurusan maklumat organisasi boleh dikaitkan dengan kaedah pengurusan maklumat dalam novel ini. Pendekatan ini juga secara tidak langsung membolehkan pemahaman mendalam tentang bagaimana pengurusan diterapkan dalam karya sastera.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif analisis dokumen dengan menganalisis novel *Anugerah* karya Zaharah Nawawi. Analisis dokumen melibatkan kajian mendalam terhadap bahan bercetak atau elektronik untuk memperoleh pemahaman holistik (Creswell, 2009). Kaedah ini sesuai kerana pengkaji bertindak sebagai instrumen utama dalam pengumpulan dan interpretasi data (Merriam, 1998). Dokumen yang dianalisis ini merupakan sumber penting dalam kajian kualitatif yang berfungsi sebagai sokongan kepada data pemerhatian dan temu bual (Yin, 2003). Pemilihan dokumen perlu relevan dengan soalan kajian serta mendapat kebenaran daripada pihak berkaitan (Creswell, 2009).

Landasan Teori

Kajian ini menganalisis data berdasarkan prinsip pengurusan oleh Henri Fayol (2013). Henri Fayol ialah ahli teori pengurusan Perancis yang hidup pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Beliau terkenal dengan sumbangannya kepada pembangunan teori pengurusan dan terkenal dengan teori pentadbirannya. Henri Fayol turut memperkenalkan beberapa prinsip pengurusan yang menjadi asas kepada banyak teori pengurusan moden. Prinsip-prinsip yang ini melibatkan konsep-konsep seperti pembahagian kerja, autoriti dan tanggungjawab, disiplin, kesatuan perintah, kesatuan arahan dan lain-lain. Fayol bekerja di sektor perlombongan, pertanian dan pengalaman praktikalnya dalam membantu memaklumkan pandangannya tentang pengurusan. Walaupun idea awal muncul pada awal abad ke-20, prinsip yang dicadangkan masih relevan dan dikaji secara meluas dalam kesusasteraan pengurusan moden. Sebagai seorang tokoh dalam pembangunan teori pengurusan, Fayol memberikan sumbangan yang besar kepada pemahaman tentang bagaimana organisasi boleh diuruskan dengan berkesan. Fayol terkenal dengan 14 prinsip pengurusan seperti berikut;

- 1) Pembahagian Kerja (Division of Labour)
- 2) Kuasa dan tanggungjawab hendaklah seiring dengan tanggungjawab yang sewajarnya.
- 3) Disiplin (Disiplin)
- 4) Perpaduan Perintah
- 5) Perpaduan Hala Tuju
- 6) Penubuhan Kepentingan Organisasi
- 7) Imbuhan Adil (Imbuhan)
- 8) Pemusatan dan Penyahpusatan (Centralization and Decentralization)
- 9) Hierarki (Rantian Skalar)
- 10) Ordinan (Perintah)
- 11) Keadilan dan Konsistensi (Ekuiti dan Konsistensi)
- 12) Kestabilan Peribadi (Kestabilan Kakitangan)
- 13) Inisiatif dan Semangat Kerja (Inisiatif dan Esprit de Corps)
- 14) Kesedaran Perpaduan (Esprit de Corps)

Prinsip-prinsip ini masih dianggap relevan dan dikaji secara meluas dalam bidang pengurusan. Fayol berusaha untuk menyediakan rangka kerja yang boleh membantu pengurus dalam mengurus organisasi dengan lebih berkesan. Prinsip-prinsip yang digariskan oleh Fayol masih relevan kerana menjelaskan tentang prinsip dalam menyokong kerja berpasukan dan kerjasama untuk manfaat bersama organisasi. Manakala fungsi-fungsi lain mendedahkan keperluan untuk organisasi merancang dan tangkas dalam menghadapi perubahan keadaan yang perlu dihadapi oleh organisasi dari semasa ke semasa. Fayol juga menyedari bahawa pengurusan adalah proses yang berterusan. Seterusnya dalam membincangkan pengurusan sumber manusia, Fayol menulis tentang kaedah memotivasikan pihak pengurusan tentang inisiatif yang memberi inspirasi, menghormati melalui nilai dan memastikan golongan pekerja mempunyai masa dan latihan yang diperlukan untuk lebih produktif di tempat kerja. Pengurus yang baik dan dihormati kerana memiliki sikap baik dan boleh menjadi model kepada pekerja yang dijelaskan sebagai kepimpinan melalui teladan. Pengurus yang baik perlu meluangkan masa untuk mengenali para pekerja serta memberi latihan yang diperlukan telah dapat menjelaskan prinsip pengurusan yang lebih moden. Beberapa idea ini kelihatan agak jelas namun pada masa kajian ini dilaksanakan oleh Fayol, idea itu masih dianggap baharu dan perlu dikaji dengan mendalam lagi.

Analisis Data

Pemilihan Ketua

Berdasarkan novel Anugerah, terdapat dimensi pengurusan organisasi dari aspek pemilihan ketua adalah dalam kalangan anggota sendiri iaitu anggota demokrasi. Misalnya pada muka surat 152, dialog dalam novel berbunyi “*Setelah bergabung dengan Pergerakan Melayu Semenanjung Johor, saya percaya segala galanya sedang mengalami perubahan yang pesat. Cikgu Zainon seorang yang bijak. Dia bukan setakat tokoh pendidikan, agama dan kebajikan tetapi juga boleh menjadi tokoh politik terkemuka tidak lama lagi. Awak tak percaya, tengoklah nanti.....*”

Kesatuan Anggota

Pada muka surat 164, dimensi pengurusan organisasi dapat dilihat dengan kesatuan anggota di mana semua ahli UMNO menggunakan satu lencana sahaja. “*Dia mahu ahli ahli UMNO yang*

banyak itu, yang menggunakan pelbagai lambing dan bendera itu, bersatu dengan memakai satu lencana sahaja. Jadi, setiap orang melupakan atau menanggalkan lencana pengenalan melalui pertubuhan atau persatuan masing masing untuk digantikan dengan lencana UMNO yang seragam.”

Amalan Mesyuarat

Antara aspek pengurusan organisasi yang lain dalam novel ini ialah menerapkan terdapat amalan untuk mengadakan mesyuarat atau persidangan. Pada muka surat 193,

“Dalam perjalanan yang agak perlahan tetapi tetap itu, sempat juga Dato Onn melayangkan fikirannya mengingatkan kembali beberapa persidangan Jawatankuasa 12 orang yang dihadapinya yang bertujuan menggubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu untuk menggantikan Malayan Union. Dato Onn sendiri yang biasanya menjadi pengerusi persidangan tersebut”.

Rasa Kekitaan

Muka surat 235, aspek pengurusan organisasi yang diketengahkan dalam novel Anugerah ini ialah rasa kekitaan yang merujuk kepada rasa keanggotaan. *“Kenapa awak tertarik dengan kedua dua perkara?”*

“Saya tak tahulah apa tafsiran orang lain. Tapi saya rasa kita tidak patut sekali kali bergabung dengan Indonesia seperti yang dikehendaki oleh beberapa buah parti politik yang menentang Perlembagaan Persekutuan. Jadi kata kata Dato Onn tadi ssay rasa menolak yang nama Melayu itu diubah kepada nama Indonesia. Bila kita duduk dalam Persekutuan Tanah Melayukita berasa negeri ini negeri kita, negeri Melayu. Kewujudan Melayu mesti dikekalkan.”

Perpaduan Hala Tuju

Pada muka surat 290, novel ini mengetengahkan aspek pengurusan organisasi yang mempunyai halatuju. Misalnya, *“Tuntutan PUTERA untuk perlembagaan Malaya.*

Mengurus Konflik

Aspek pengurusan organisasi yang lain dapat dilihat ialah mengurus konflik organisasi dengan baik. Dalam novel tersebut, terdapat pertentangan pendapat pada muka surat 322 *“Pertentangan pendapat dalam politik, saya harap tidak akan menjejaskan persahabatan kita. Saya yakin pertentangan yang sihat kalua tidak disalahertikan akan membawa kebaikan.” Suara Ramlah meresik menyisipkan kesedaran di hati sanubari rakannya”.*

Perubahan Dalam Organisasi

Terdapat dimensi pengurusan organisasi yang membawa kepada perubahan dalam organisasi. Pada mukasurat 394, *“Kenapa agaknya Dato Onn tidak mahu mengekalkan cara UMNO yang ada seperti sekarang, dianggotai oleh banyak pertubuhan bergabung dalam satu?” Hisyam meresik penjelasan Ramlah yang kelihatan letih.*

“Kata Dato Onn, kita masih terlalu baru berada di dunia politik. Kita masih perlu banyak belajar dan mempelajari politik.” Ramlah menarik nafas seketika.

“Mula mula dulu, tidak menjadi masalah jika setiap negeri mempunyai banyak pertubuhan. Tetapi setelah setahun UMNO diwujudkan bangsa bangsa asing di Tanah Melayu berusaha bersatu dalam sebuah persatuan sahaja. Sebab itu UMNO tidak boleh meneruskan caranya yang ada memandangkan tindakan mereka akan menimpa penduduk anak negeri.”

Pencalonan Untuk Parti

Muka surat 395, terdapat dimensi pengurusan organisasi yang mengadakan pencalonan untuk parti. *"Siapalah agaknya wanita pertama yang akan menduduki kerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan itu ya?" katanya masih dalam senyuman.*

"Saya cadangkan Zainon kita." Pantas Ramlah menjawab.

"Saya akan mencalonkan Ramlah kita ini yang akan menjadi wanita pertama menduduki kerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan itu." Zainon membalas.

Sikap Tolong Menolong

Muka surat 423 menunjukkan terdapat dimensi pengurusan organisasi yang menunjukkan sikap tolong menolong. Dalam dialog novel berbunyi...*"Persidangan Agung Kaum Ibu UMNO dipengerusikan oleh Zaharah Binti Abdullah. Guru muda jelita. Dari Batu Pahat. Orang yang paling banyak menolong berlakunya persidangan itu ialah Putih Mariah Ibrahim Rashid dari Perak".*

Prinsip Perjuangan

Pada muka surat 465, dimensi pengurusan organisasi yang diterjemahkan dalam novel ini ialah prinsip perjuangan. Dialog yang berbunyi,

"Awak bodoh. Rugi. Mengapa tidak bertanya atau berunding dulu dengan kawan-kawan?" Katalah apa saja yang awak suka, saya tak peduli. Saya tidak perlu berunding dengan sesiapa pun, walaupun dengan suami sendiri. Itu keputusan saya. Hak saya.

"Keputusan awak. Hak awak." Mariam mengangguk sakit. "Tapi ..."

"Tiada tapi-tapinya lagi. Saya memasuki UMNO bukan kerana kerusi, bukan kerana apa. Berjuang bagi saya matlamatnya hanya satu: Pertama untuk menumbangkan Malayan Union; kedua untuk menegakkan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu."

Tidak Ada Bias Gender

Pada muka surat 466, dimensi pengurusan organisasi yang dapat dilihat ialah tiada kekangan untuk wanita terlibat dalam organisasi. Dialognya seperti berikut:

"Dua lagi ahli Majlis Negeri dari kaum wanita akan dilantik hujung bulan ini," katanya dengan bangga.

Motivasi dan Perlu Bangkit Kembali

Terdapat dimensi Pengurusan Organisasi pada muka surat 626 iaitu mempunyai sikap motivasi dalam dialog yang berbunyi *"Perjalanan Razali sudah sampai ke garis akhirnya. Cuma kita yang masih menjadi pengembara setiap detik mengutip dosa dan pahala yang entah bila akan berakhir.*

Pada muka surat 674, terdapat dimensi pengurusan organisasi yang menunjukkan sifat yang perlu dicontohi iaitu apabila jatuh perlu bangkit kembali. Dalam Dialog iaitu

"Sayang Icut gagah nenek, kuat nenek, pandai nenek." Sambil mencium, dia memujuk dan sekali gus tangannya juga mengusap usap belakang dan kepala Syukri.

Berkembang dan Mempunyai Cawangan

Pada mukasurat 677, dimensi pengurusan organisasi yang dapat dilihat ialah mempunyai cawangan. Dialognya seperti berikut:

"Jemputan apa?"

"Perasmian sebuah cawangan Kaum Ibu disana. Bukan untuk merasmikan penubuhannya tetapi sebagai jemputan biasa."

Mempunyai Pengikut

Pada muka surat 678, dimensi pengurusan organisasi yang dapat disimpulkan ialah mempunyai Pengikut.

“Hampir semua rintangan yang menghalangnya bagi maksud maksud politik diatasnya dengan segera.”

“Betul.”

“Dan, dia mempunyai pengikut yang setia serta mempunyai semangat dan sikap mirip seperti dia juga.”

Sikap Berfikiran Jauh

Dimensi pengurusan organisasi yang dapat dilihat juga ialah berkaitan sifat berfikiran jauh dalam organisasi. Dialog yang berbunyi... *“Saya rasa Dato Onn berfikir terlalu jauh ke hadapan. Orang lain belum sampai ke tahap itu sebab itu mereka tidak dapat membaca wawasannya,”* balas Hisyam kembali dengan perasaan luhurnya.

Setiap Cadangan Akan Dibahaskan

Muka surat 782, dimensi pengurusan organisasi yang ditemukan dalam novel ini juga dapat dilihat pada aspek setiap cadangan akan dibahaskan. Dalam dialog yang berbunyi, *“Ini Cuma satu cadangan. Setiap cadangan tidak semestinya diterima.”* Rakannya cuba menyejukkan perasaan. *“Ya.”* Tiba tiba Ramlah menyampuk. *Dia cuba untuk menenteramkan perasaan perwakilan itu. “Cadangan ini akan dihantar kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Kerajaan Negeri terlebih dahulu untuk dibincang dan dibahaskan.”*

Memilih Calon Berkualiti

Muka surat 993, dimensi pengurusan organisasi yang juga dapat dilihat ialah memilih orang yang berkualiti dalam organisasi. *“Ditahan atas soal politik. Melawan penjajahan Belanda di Indonesia. Lantang bersuara. Walaupun pernah dipenjarakan”.*

Menghormati Pendapat Orang Lain

Muka surat 1001 menunjukkan terdapat dimensi pengurusan organisasi yang menitiberatkan tentang menghormati pendapat orang lain. *“Kata kata Ibu Zain tidak ada salahnya. Pendapat Mariam selaku seorang sahabat pun tiada apa silapnya. Ramlah menghormati pendapat dan saranan mereka namun begitu dia lebih berhak menentukan pendirian dan memilih jalan yang difikirkannya lebih baik”.*

Keputusan Perlu Melalui Mesyuarah

Dimensi pengurusan organisasi juga dapat dilihat pada muka surat 1054 di mana setiap keputusan perlu melalui mesyuarah. *“Tunku yang ditawarkan jawatan menteri dari Pesuruhjaya Tinggi menolak jawatan itu. Namun memberikan nama pemimpin lain. Hasilnya Dr Ismail Abdul Rahman dilantik selaku Menteri Hasil Bumi dan H.S. Lee menjadi Menteri Perhubungan. Ramai ahli yang tidak setuju kerana Tunku tidak berbincang dan mendapat pandangan dari ahli”.*

Membuat Perancangan

Setiap urusan organisasi perlu membuat perancangan. Aspek ini juga didapati pada muka surat 1064. Pada dialog yang berbunyi.

“Tentang Perhimpunan Agung Kaum Ibu UMNO tahun ini.”

“Bila?”

“Oktober.”

“Masih ada lapan bulan, ibu. Tapi bukannya kita tidak terlibat dengan soal menguruskan mesyuarat itu sebab ibu tidak lagi menjadi ketuanya?”

Perebutan Kuasa dan Konflik

Realiti dalam pengurusan organisasi terdapat perebutan kuasa. Pada mukasurat 1065 menunjukkan terdapat perebutan kuasa iaitu “Pertandingan tiga penjurur merebut jawatan ketua Kaum ibu. Ibu Zain, Khadijah Sidek dan Halimahton dari Selangor”.

Terdapat juga konflik seperti mogok dan tunjuk perasaan dalam organisasi diterjemahkan pada mukasurat 1067. Dialog yang berbunyi...

“Dengar ini sayang.” Ramlah memeluk dua sahabat yang masih berpelukan itu. “Kita bukannya mogok tapi menunjuk perasaan.”

Objektif Perlukan Strategi

Pengurusan organisasi untuk mencapai objektif perlukan strategi. Dalam novel ini juga mengetengahkan strategi iaitu pada muka surat 1109. “Inilah percubaan kita untuk melihat kejayaan menjadi sebuah parti yang mampu memerintah sebuah negara merdeka.” Ibu Zain selaku pengerusi mesyuarat menyemaikan bibit-bibit kebangkitan dan semangat tinggi para ahlinya.

“Tetapi bagaimana caranya dapat kita memastikan kemenangan tersebut? Marilah kita fikirkan bersama.” Dia memandang kepada ahli jawatankuasanya yang duduk di sekelilingnya. Yang pasti kita mesti banyak berkempen, pengerusi.

Modal

Dalam pengurusan organisasi, modal juga sangat penting. Pada muka surat 1152, Dialog yang berbunyi.... “Kita perlu mencari banyak wang untuk menjayakan pilihanraya yang besar – pilihanraya penentuan ini.”

“Ibu akan menjadi salah seorang calon dalam pilihanraya itu nanti, ibu?” seseorang bertanya di hujung meja.

“Kalau ibu menjadi salah seorang calon kami bersedia menacari wang dengan apa cara sekalipun.”

Perancangan Yang Baik

Dalam pengurusan organisasi juga memerlukan perancangan yang baik. Pada muka surat 1153 dalam dialog berbunyi “Seluruh ahli jawatankuasa sama sama berbincang dan memberikan cadangan masing masing bagi mencari jalan terbaik untuk memenuhi hasrat yang disampaikan oleh ibu Zain tadi”.

Mengambil Tindakan

Pada muka surat 1317 terdapat aspek pengurusan organisasi yang strategik seperti mengambil tindakan hasil perbincangan dalam mesyuarat.

“Dia hanya boleh dipecat kiranya mendapat persetujuan dua pertiga suara dalam perhimpunan agung atau oleh Presiden UMNO atau separuh daripada AJK Kerja”

Bekerja Tanpa Mengira Situasi/Tempat

Dimensi pengurusan organisasi yang diterjemahkan dalam novel ialah bekerja dari rumah pada muka surat 1340. Dialog berbunyi... “Saya ini ada anak kecil. Rumah pun jauh dari ibu pejabat UMNO jadi saya akan menjalankan tugas Kaum Ibu UMNO ini dari rumah saya di Ipoh sajalah nampaknya.”

Motto

Pengurusan organisasi yang didapati dalam novel ialah motto pada muka surat 1343. Dialog yang berbunyi;

“Berikan ilmu atau pelajaran kepada wanita bererti kita memberikan pelajaran kepada sebuah keluarga.” Inilah antara cogan kata yang sering digunakan oleh pemimpin Kaum Ibu untuk mendesak secara halus supaya kaum wanita tidak dilupakan dalam soal pembangunan rohani dan jasmani.

Daripada data-data yang dikumpulkan, didapati bahawa terdapat tema-tema yang menjelaskan dimensi pengurusan dalam organisasi dalam novel ini. Tema-tema ini didapati menepati prinsip-prinsip pengurusan yang disenaraikan oleh Fayol (2013). Oleh itu, jadual di bawah menunjukkan dapatan kajian yang menjelaskan dimensi pengurusan dalam organisasi yang terdapat dalam novel *Anugerah*.

Jadual 1: Tema-Tema Dimensi Pengurusan Organisasi Dalam Novel *Anugerah*

Bil.	Prinsip-Prinsip Pengurusan Fayol (2013)	Tema-Tema Daripada Novel “Anugerah”
1.	Pembahagian Kerja (Division of Labour)	Perancangan Yang Baik
2.	Kuasa dan tanggungjawab hendaklah seiring dengan tanggungjawab yang sewajarnya.	- Pemilihan Ketua - Mengambil Tindakan - Prinsip Perjuangan - Perubahan Dalam Organisasi
3.	Disiplin	- Motto - Kesatuan Anggota
4.	Perpaduan Perintah	Memilih Calon Berkualiti
5.	Perpaduan Hala Tuju	- Perancangan Yang Baik - Objektif Perlukan Strategi - Membuat Perancangan - Sikap Berfikiran Jauh - Perpaduan Hala Tuju
6.	Penubuhan Kepentingan Organisasi	- Modal - Berkembang dan Mempunyai Cawangan
7.	Imbuhan Adil (Imbuhan)	Mengurus Konflik
8.	Pemusatan dan Penyahpusatan	Perebutan Kuasa dan Konflik

9.	Hierarki	• Menghormati Pendapat Orang Lain • Mempunyai Pengikut
10.	Ordinan (Perintah)	• Pencalonan Untuk Parti
11.	Keadilan dan Konsistensi	• Keputusan Perlu Melalui Mesyuarah • Amalan Mesyuarat
12.	Kestabilan Peribadi/Kakitangan	• Tidak Ada Bias Gender
13.	Inisiatif dan Semangat Kerja	• Bekerja Tanpa Mengira Situasi/Tempat • Motivasi dan Perlu Bangkit Kembali • Rasa Kekitaan
14.	Kesedaran Perpaduan Organisasi	• Setiap Cadangan Akan Dibahaskan • Sikap Tolong Menolong

Perbincangan

Novel *Anugerah* menampilkan pelbagai aspek dimensi pengurusan organisasi yang relevan dalam konteks politik dan sosial. Beberapa aspek utama yang diketengahkan termasuk pemilihan ketua, kesatuan anggota, amalan mesyuarat, rasa kekitaan, perpaduan hala tuju, pengurusan konflik, perubahan dalam organisasi, pencalonan untuk parti, sikap tolong-menolong, prinsip perjuangan, keadilan gender serta motivasi dan semangat untuk bangkit kembali. Hal-hal ini merangkumi tema-tema seperti berikut:

1. Pemilihan Ketua

Pemilihan ketua dalam organisasi dilakukan secara demokratik iaitu calon yang berwibawa akan dipilih berdasarkan kebolehan dan kepimpinannya. Hal ini mencerminkan kepentingan proses demokrasi dalam pemilihan pemimpin yang berkesan.

2. Kesatuan Anggota

Kesatuan anggota adalah faktor penting dalam pengurusan organisasi. Penggunaan satu lencana oleh semua ahli UMNO menunjukkan usaha penyatuan bagi memperkukuhkan identiti dan kesetiaan kepada organisasi.

3. Amalan Mesyuarat

Mesyuarat dan persidangan menjadi mekanisme utama dalam menentukan hala tuju organisasi. Keputusan penting dibuat melalui perbincangan bersama bagi memastikan keterlibatan semua pihak.

4. Rasa Kekitaan

Rasa keanggotaan dalam organisasi memberi kesan kepada kestabilan dan komitmen ahli. Dalam konteks novel, ahli merasa sebahagian daripada Tanah Melayu dan menolak penggabungan dengan Indonesia yang menandakan kepentingan identiti nasional.

5. Perpaduan Hala Tuju

Novel ini menekankan pentingnya hala tuju organisasi yang jelas. Tuntutan PUTERA terhadap pembentukan perlembagaan Malaya mencerminkan visi untuk mencapai kemerdekaan dan keutuhan negara.

6. Mengurus Konflik

Konflik dalam organisasi adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan tetapi pengurusannya secara matang memastikan kestabilan. Novel ini memaparkan bagaimana pertentangan pendapat perlu dikendalikan secara profesional bagi mengelakkan perpecahan.

7. Perubahan Dalam Organisasi

Organisasi yang berjaya harus bersedia menghadapi perubahan. Dato Onn memahami bahawa strategi lama perlu diubah agar UMNO dapat terus relevan dalam landskap politik yang semakin berkembang.

8. Pencalonan Untuk Parti

Pencalonan ahli dalam organisasi membolehkan individu yang berpotensi diberi peluang untuk menyumbang. Keputusan mencalonkan wanita dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan menunjukkan keterbukaan terhadap peranan wanita dalam kepimpinan.

9. Sikap Tolong-Menolong

Sikap ini penting dalam memastikan kelancaran organisasi. Novel menampilkan bagaimana ahli organisasi saling membantu dalam menjayakan persidangan dan aktiviti yang dianjurkan.

10. Prinsip Perjuangan

Setiap organisasi perlu mempunyai prinsip perjuangan yang jelas. Dalam novel, perjuangan menentang Malayan Union dan menegakkan Persekutuan Tanah Melayu menjadi matlamat utama.

11. Tidak Ada Bias Gender

Novel ini juga menunjukkan bahawa tiada sekatan untuk wanita menyertai organisasi, malah mereka diberikan peranan penting dalam kepimpinan dan penggubalan dasar.

12. Motivasi dan Perlu Bangkit Kembali

Dalam organisasi, semangat untuk terus berjuang dan bangkit dari kegagalan adalah penting. Karakter dalam novel menunjukkan keperluan untuk terus berusaha dalam mencapai matlamat.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, *Anugerah* memberikan gambaran yang jelas mengenai elemen penting dalam pengurusan organisasi, selaras dengan pendekatan pengurusan dalam kesusasteraan yang dianalisis dalam kajian ini. Berdasarkan Prinsip-Prinsip Pengurusan Fayol (2013), novel ini menekankan aspek perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan mesyuarat sebagai faktor utama dalam membentuk organisasi yang berkesan. Elemen-elemen ini dapat dilihat melalui watak-watak yang berusaha mencapai matlamat kolektif, mengurus konflik secara profesional, serta menyesuaikan diri dengan perubahan untuk memastikan organisasi kekal relevan. Selain itu, novel ini turut menampilkan penglibatan wanita dalam organisasi yang memperlihatkan ketabahan dan kecerdasan mereka dalam menghadapi cabaran termasuklah konflik keluarga dan sosial. Kecekalan watak-watak wanita dalam novel ini bukan sahaja mencerminkan perjuangan mereka dalam menuntut hak tetapi juga memperkukuh peranan pengurusan organisasi dalam mewujudkan keseimbangan dan keadilan dalam masyarakat. Dapatan kajian membuktikan bahawa penerapan prinsip pengurusan dalam analisis sastera bukan sahaja memperkayakan pemahaman terhadap teks tetapi juga menyedarkan masyarakat tentang kepentingan pengurusan dalam kehidupan. Disimpulkan bahawa novel *Anugerah* bukan sekadar sebuah novel sejarah tetapi juga suatu medium yang mengandungi nilai-nilai pengurusan yang relevan untuk diaplikasikan dalam konteks organisasi moden.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, Profesor Dr. Azhar Hj Wahid dan Fakulti Bahasa & Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di atas segala sokongan yang diberikan. Tidak lupa juga pengarang Allahyarhamah Zaharah Nawawi yang telah menghasilkan novel *Anugerah* sebuah mahakarya yang agung untuk dianalisis. Semoga rohnya ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman dan beramal soleh.

Rujukan

- Abu Hassan, M. M. (2022). Sejarah, Definisi, Konsep dan Prinsip Pendekatan Pengurusan. *PENDETA*, 13(1), 1-10. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.fa.1.2022>.
- Abu Hassan, M. M. (2021). Ucaputama: Relevansi pendekatan pengurusan dalam menganalisis karya sastera. International conference on linguistics and culture 2. Anjuran Fakulti Ilmu Budaya, Universiti Hasanuddin, Makasar, Indonesia pada 4 November.
- Ahmad Amran. (2002). Pengurusan. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Bengkel Pengurusan Kesusasteraan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 28 Disember.
- Blacker, F., Crump, N., & McDonald, S. (1998). Knowledge, organizations and competition. In G. von Krogh & J. Roos & D. Kleine (Eds.), *Knowing in firms* (pp. 67-86). London: Sage.
- Creswell, J. W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Ganasegeran, K., Renganathan, P., Rashid, A., & Al-Dubai, S. A. R. (2017). The m-Health revolution: Exploring perceived benefits of WhatsApp use in clinical practice. *International Journal of Medical Informatics*, 97, 145–151.
- Fayol, H. (2013). 'Administration Industrielle et Générale (General and Industrial Management)', Eastford, CT: Martino Fine Books.
- Jaafar Muhamad. (1999). Asas pengurusan. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

- Jehanzeb, K., & Mohanty, J. (2020). Organizational commitment between organizational justice and organizational citizenship behavior: Power distance as moderator. *Personnel Review*, 49(2), 445-468.
- Koontz, Harold dan Heinz Weihrich. (1997). *Pengurusan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krishnan, H. (2020). The relationship between organizational justice perception and job satisfaction in small and medium enterprises. *Journal of Arts & Social Sciences*, 4(1), 31-44.
- Mohd Ridhwan, A. R. & Enah, A. (2021). Kesan keadilan organisasi terhadap kepuasan kerja dalam sektor perkhidmatan di Malaysia. *Management Research Journal*, 10 (1), 77-86.
- Merriam, S.B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. Jossey-Bass Publishers, San Francisco.
- Menson, Michael H., Michael Albert dan Franklin Khedouri, (1985). *Management: Individual and Organisational Effectiveness*, New York: Harper and Row.
- Mustafa, C.S., Omar, N., Abu Talib, Z., Megat Ibrahim, N.Z. (2021). Implikasi Penggunaan Whatsapp Dalam Pengurusan Maklumat Organisasi. *Asian People Journal*. VOL 4(2), 145-160.
- Nor Azima, A., Siti Salwa, S. & Fariza, M.S. (2021). Is perceived organizational support an antecedent of employee behavior?. *International Journal of Human Resources Studies*, 11(1): 351-365.
- Purnama, Y., Tjahjono, H.K., Assery, S. & Dzakiyullah, N. R. (2020). The relationship of organizational justice on job satisfaction and job performance in banking company. *International Journal of Scientific & Technology Research*, 9(3), 4012-4015.
- Rahim Abdullah. (1998). *Asas pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Salim, S.S., Kawangit, R.M., Ibrahim. N., Ismail. A. (2022). Peranan Keadilan Organisasi Dalam Membangunkan Perilaku Positif Pekerja: Perspektif Pengurusan Islam. *Journal for Social Sciences, Special Issue ADAB*. Vol 25(02). 36-50.
- Widyanti, R., Irhamni, G., Ratna, S. & Basuki. (2020). Organizational justice and organizational pride to achieve job satisfaction and job performance. *Journal of Southwest Jiaotong University*, 55(3), 1-13.
- Yin, R.K. (2003). *Case Study Research: Design and Methods*. 3rd Edition, Sage, Thousand Oaks.